

# UPM terima 1,311 pelajar baru

KUALA LUMPUR 22 Feb. – Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menerima sejumlah 1,311 pelajar baru untuk pengajian pasca siswazah bagi program ijazah sarjana dan doktor falsafah (PhD).

Naib Canselor UPM, Profesor Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 1,086 adalah pelajar program sarjana, 225 program PhD dan 199 pelajar antarabangsa.

Katanya, dengan kemasukan pelajar baru berkenaan, keseluruhan pelajar pengajian pasca siswazah di UPM berjumlah 8,547 orang.

“Ini adalah petunjuk yang baik bahawa UPM adalah sebuah universiti pilihan untuk pelajar pengajian lepasan ijazah.

“Dengan ini setiap pelajar harus mempertahankan status UPM sebagai universiti penyelidikan dengan menyumbangkan penerbitan berkualiti, pengkomersialan produk penyelidikan, paten dan penerimaan geran,” katanya.

Beliau berkata, demikian pada Majlis Ikrar Pelajar Baru Siswazah Semester Kedua 2008/2009 dan Pelancaran Program Putra Sarjana 2009 di UPM baru-baru ini.

Program Putra Sarjana 2009 itu diadakan bagi menyediakan suasana pembelajaran yang selesa dan bersedia untuk membantu pembelajaran pelajar.

Pada masa sama, program berkenaan bertujuan melengkapkan pelajar baru itu dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk memastikan graduan siswazah yang dihasilkan adalah berkualiti.